

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SERI TIONG KING SING
KAWASAN : BINTULU
TARIKH : 14 DISEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN NO. 19

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan:

(a) apakah langkah proaktif dalam memantau serta tindakan untuk menyelenggara dan memperbaiki keadaan kerosakan jalan raya yang berlubang atau rosak; dan

(b) apakah piawaian yang telah ditetapkan oleh Kementerian bagi melantik kontraktor yang berkelayakan dalam melaksanakan projek memperbaiki jalan raya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sentiasa berusaha dari semasa ke semasa untuk memastikan jalan persekutuan di negara ini berada dalam keadaan selamat dan selesa. Syarikat konsesi yang dilantik melalui perjanjian penswastaaan di bawah skop Kerja Penyelenggaraan Rutin perlu melakukan rondaan Pemeriksaan Rutin Jalan Persekutuan dengan kekerapan 2 kali seminggu. Ini adalah untuk memastikan jika terdapat sebarang kerosakan jalan seperti jalan berlubang, kerja tampalan lubang sementara hendaklah dilaksanakan dalam tempoh 24 jam dan tampalan kekal dalam tempoh 3 hari. Penekanan ini telah diterjemahkan melalui Program Aku Janji Sifar Lubang (Zero Pothole) antara pihak KKR dengan pihak konsesi penyelenggaraan Jalan Persekutuan seluruh Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi membaikpulih jalan-jalan dalam status kritikal, Kementerian Kerja Raya menyediakan program penyelenggaraan turapan berdasarkan notis kerosakan (Notice of Defects / NOD) yang disediakan oleh syarikat konsesi penyelenggaraan jalan persekutuan. Melalui NOD ini, Kementerian Kerja Raya akan menyenaraikan program penyelenggaraan turapan ini mengikut keutamaan dan keperluan mendesak untuk dikemukakan kepada Kementerian Kewangan bagi kelulusan peruntukan. Pelaksanaan program penyelenggaraan ini adalah tertakluk kepada kelulusan peruntukan dari Kementerian Kewangan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Persekutuan di seluruh Malaysia dilaksanakan oleh pihak konsesi yang telah dilantik oleh Kementerian Kerja Raya. Pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan ini adalah di bawah pengawasan sepenuhnya oleh pihak JKR Malaysia, JKR Sabah dan JKR Sarawak iaitu pihak yang telah dilantik sebagai wakil kerajaan. Pemilihan kontraktor oleh pihak konsesi

NO SOALAN : 19

bagi kerja-kerja penyenggaraan jalan hanya terhad kepada kontraktor tempatan yang berkelayakan dan berdaftar dengan CIDB.

Sekian, terima kasih.